

Lapan wakil UMS bantu

Malaysia

DE 16.8.2017 6

KOTA KINABALU: Sekumpulan pelajar dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) diketuai pengarah pusat Sukan, Mohd Asyraaf Fong Abdullah akan tampil dalam pasukan Malaysia yang bersaing di Sukan SEA Kuala Lumpur bulan ini.

Asyraaf yang juga ketua jurulatih pasukan bola sepak wanita Malaysia berkata terdapat lapan atlet dan empat pegawai pasukan termasuk dirinya mengambil bahagian untuk membantu negara mencapai kejayaan. Beliau mengucapkan terima kasih kepada Naib Canselor UMS, Prof Dr. D. Kamarudin D. Mudin dan pengurusan atas sokongan mereka kepada semua yang terlibat dalam sukan itu.

Empat pelajar UMS yang mewakili negara dalam sukan dwi tahunan itu ialah Fatin Faqihah Md Yusof (olahraga), Christina Idris (ragbi), Dayang Anak Manggie (ragbi), Ji Fedalliah Claritta Jaimin (bola sepak wanita), dan kakitangan ialah Masturah Majid, Jaciah Jumilis, Haindee Mosroh, Shereilynn Pius, yang semuanya dalam pasukan bola sepak wanita kebangsaan sementara pegawai ialah Azman Soaibah (penolong jurulatih futsal wanita), David Johnny (penolong jurulatih bola sepak wanita) dan Salim Syed Ibrahim.

WAKIL UMS di Sukan SEA (berdiri dari kiri) David, Salim, Azman, Asyraaf, Dayang, Christina, Shereilynn. (Duduk dari kiri) Fathin, Fedalliah, Masturah, Haindee dan Jaciah. - GL Oh